

*Artikel*

**Gaya Bahasa dan Motivasi Pelajar Antarabangsa dalam Pembelajaran Bahasa Melayu**  
(*Language Style and International Student Motivation in Learning Malay Language*)

Nor Fatin Adlina Mohd Salleh & Zarina Othman\*

Pusat Pengajian Citra Universiti (*School of Liberal Studies*),  
Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 Bangi, Selangor, Malaysia

\*Pengarang Koresponden: [zothman@ukm.edu.my](mailto:zothman@ukm.edu.my)

Diserah: 24 September 2024

Diterima: 6 November 2024

**Abstrak:** Pelajar pascasiswazah antarabangsa di universiti tempatan perlu mengambil kursus Bahasa Melayu semasa pengajian mereka. Memandangkan pelajar berada di peringkat umur yang lebih matang dan mempunyai kepelbagaiannya latar belakang, adalah perlu bagi tenaga pengajar mengambil pendekatan pengajaran dan pembelajaran yang bersesuaian. Permasalahan yang diperhatikan ialah senario di mana pelajar pascasiswazah kurang bermotivasi untuk memberi respon dan berinteraksi bersama tenaga pengajar atau rakan semasa mengikuti kelas Bahasa Melayu Komunikasi Antarabangsa (*Malay Language for International Communication*). Berdasarkan pemerhatian di dalam kelas, didapati gaya bahasa yang digunakan dalam kuliah boleh mempengaruhi motivasi pelajar. Kajian ini dijalankan untuk mengenalpasti hubungkait antara wacana dan gaya bahasa (verbal dan non-verbal) yang digunakan oleh tenaga pengajar dengan motivasi pelajar. Kajian ini menggunakan kaedah gabungan kuantitatif dan kualitatif, yang melibatkan 50 orang responden bagi pengumpulan data kuantitatif melalui soal selidik, dan 10 orang informan untuk temu bual bagi data kualitatif. Hasil dapatan soal selidik telah dianalisis dalam bentuk kekerapan, perbezaan dan peratusan. Manakala hasil dapatan temu bual dianalisis secara analisis kandungan menggunakan analisis tema melalui pengekodan dan pengkategorian. Dapatkan kajian menunjukkan majoriti responden bersetuju bahawa gaya bahasa verbal yang merangkumi kata yang baik, bahasa kasual dan ramah telah meningkatkan motivasi pelajar. Gaya bahasa non-verbal seperti intonasi, mimik muka serta sikap positif tenaga pengajar juga didapati meningkatkan motivasi pelajar. Implikasi daripada kajian ini penting untuk mendedahkan kepentingan penggunaan bahasa verbal dan non-verbal yang baik oleh tenaga pengajar dalam mempengaruhi motivasi pelajar. Ia juga mendorong pelajar memberikan kerjasama yang baik serta bersikap responsif dalam proses pembelajaran.

**Kata kunci:** Gaya bahasa verbal; gaya bahasa non-verbal; motivasi pelajar; pelajar pascasiswazah antarabangsa; bahasa Melayu

**Abstract:** International postgraduate students in the local universities are required to take a Malay Language course. Due to their mature age and background, there is a need to adopt a teaching and learning style that is appropriate. The problem observed is a scenario where postgraduate students seem to have a lack of motivation to respond and interact with lecturers or peers while attending Malay Language for International Communication classes. Based on classroom observation, it was found that the language style can influence students' motivation. It also encouraged students to provide good cooperation and be responsive in the learning process. This study was conducted to identify the relationship between discourse and language styles (verbal and non-verbal) used by teachers and student motivation. This study is quantitative (online questionnaire) and qualitative (interview). The study involved 50 respondents (questionnaire) and 10 (interview). The data from

the survey was analysed in terms of frequency, differences and percentages. The interview data was analysed through a content analysis that was thematically coded and categorised. The findings showed the majority of respondents agreed that verbal language styles (good words, casual, and friendly language) had increased student motivation. Non-verbal language styles (intonation, facial expressions, and teachers' positive attitudes) were also found to increase student motivation. The implications of this study are important in revealing the importance of good use of verbal and non-verbal language in influencing student motivation. It also encouraged students to cooperate well and be responsive in the learning process.

**Keywords:** Verbal language style; non-verbal language style; students' motivation; international postgraduate students; Malay language

## Pengenalan

Gaya bahasa merupakan cara seseorang menggunakan kata-kata untuk menyampaikan fikiran dan perasaan Susiati (2020). Zulkifli et al. (2019) menyatakan bahawa gaya bahasa memerlukan penyusunan kata yang baik dan berkesan dalam menyampaikan sesuatu perkara. Ia menjadi lambang keperibadian seseorang. Dalam konteks pendidikan, cara tenaga pengajar menggunakan bahasa sangat penting kerana ia mempengaruhi keterlibatan pelajar dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Gaya bahasa bukan sahaja melibatkan bahasa lisan atau bahasa verbal, malah melibatkan penggunaan bahasa badan atau bahasa non-verbal. Menurut Sharifah et al. (2023), terdapat empat ciri yang berkesan dalam menentukan komunikasi yang baik iaitu kefahaman, keseronokan, menjaga kepercayaan sasaran dan terdapat respons daripada penutur kedua. Komunikasi yang berkesan mampu mempengaruhi sikap, nilai dan kepercayaan dalam diri seseorang.

Menurut Sukor et al. (2003) dan Shaari et al. (2023), tenaga pengajar tidak dapat mengajar dengan efektif sekiranya mereka tidak mempunyai kemahiran komunikasi yang baik dengan pelajar. Hal ini menyebabkan motivasi pelajar terjejas. Motivasi pelajar untuk terus melibatkan diri dalam kuliah sangat penting kerana ia mempengaruhi keputusan akhir peperiksaan, penilaian atau pentaksiran kursus. Hasil bantuan didikan dan komunikasi berkesan oleh tenaga pengajar serta faktor persediaan pelajar sendiri dalam mempelajari bahasa Melayu sebagai bahasa kedua dapat mempengaruhi penguasaan kemahiran bahasa tersebut (Nizam, 2017). Menurut Lau et al. (2020), sikap positif tenaga pengajar seperti mengetahui, memahami, menghargai dan menghormati serta penggunaan bahasa Melayu yang baik dapat meningkatkan motivasi pelajar.

Proses pengajaran dan pembelajaran bahasa berkait rapat dengan unsur budaya satu-satu bahasa. Bahasa Melayu yang kaya dengan penggunaan eufemisme perlu diperaktikkan dalam kalangan tenaga pengajar. Tanpa penerapan unsur budaya dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa Melayu dan memfokuskan kepada perkongsian pengajaran semata-mata membuatkan pelajar berasa bosan (Zulkifli et al., 2019). Unsur budaya yang diterapkan boleh dipamerkan dengan penggunaan bahasa halus, perilaku tenaga pengajar yang bersopan santun dan cara penyampaian kuliah yang melambangkan keintelektualan mereka.

Menurut Ahmad (2022), ketidaksesuaian gaya bahasa, kaedah penyampaian maklumat yang kurang sesuai, perkataan yang tidak jelas, cabaran sikap adalah antara halangan kepada keberkesanan komunikasi. Contohnya, bahasa jargon boleh menghalang penerima daripada memahami mesej dengan jelas. Dalam konteks kajian ini, pemilihan kata yang sesuai dengan latar belakang, bidang, serta peringkat umur pelajar pascasiswazah adalah penting bagi memastikan mereka bermotivasi untuk belajar bahasa Melayu. Pencapaian pelajar boleh terjejas kerana penggunaan gaya bahasa yang tidak sesuai oleh tenaga pengajar. Perubahan sifat bahasa ini juga menjadi cabaran untuk pelajar asing sentiasa berminat dalam mempelajari bahasa Melayu (Jaafar & Usamah, 2022). Penggunaan kata ganti nama diri bahasa pasar seperti 'kita orang, dia orang' mengelirukan pelajar asing untuk menguasai bahasa Melayu dengan baik apabila yang dipelajari dalam kuliah berbeza dengan realiti di luar bilik kuliah. Tenaga pengajar perlu menggunakan gaya bahasa yang sesuai mengikut konteks komunikasi agar pelajar dapat memahami mesej dengan jelas.

Oleh itu, kajian ini bertujuan untuk mengkaji hubung kait antara gaya bahasa tenaga pengajar dengan motivasi pembelajaran pelajar. Fokus kajian adalah pelajar pascasiswazah antarabangsa yang mengikuti

kursus bahasa Melayu di salah sebuah universiti tempatan Malaysia. Gaya bahasa yang difokuskan ialah gaya bahasa verbal dan non-verbal. Penelitian hubung kait antara gaya bahasa tenaga pengajar dengan motivasi pelajar antarabangsa dalam pembelajaran bahasa Melayu disandarkan kepada Strategi Kesantunan Asmah Haji Omar (2000) dan hujah Teori Motivasi Maclelland (1978).

## Sorotan Literatur

### 1. Pengaruh Gaya Bahasa dalam Pengajaran kepada Motivasi Pelajar

Kajian oleh Jamaluddin dan Ahmad (2022) mendapatkan pelajar menyenangi tenaga pengajar yang mempunyai personaliti dan tingkah laku yang baik. Selain itu, pengaruh dan keakraban dapat memberi kesan terhadap pencapaian akademik pelajar secara kognitif dan afektif kerana tenaga pengajar lebih mengamalkan hubungan yang mesra dan santai (Ma'alip et al., 2020). Menurut Ma'alip et al. (2020), tenaga pengajar memperoleh kepuasan bekerja apabila mereka meluangkan masa untuk membantu pelajar yang memerlukan bantuan. Hal ini selari dengan hasil dapatan kajian oleh Abdullah et al. (2020) yang membuktikan kerajinan tenaga pengajar menjadi teladan kepada pelajar. Tenaga pengajar yang mempunyai kemahiran komunikasi yang baik (kesantunan asas) dan bijak dalam mendekati pelajar secara berbahasa (kesantunan berkala), dapat meningkatkan kemahiran interpersonal pelajar. Tay (2023) mendapatkan tenaga pengajar yang telah berusaha berlatih, mendalami dan menguasai kemahiran komunikasi yang meliputi segenap aspek bahasa mampu memberikan pengajaran terbaik dan meningkatkan kemahiran pelajar.

Selain itu, Firdaus et al. (2017) mendapatkan bahawa hubungan mata dengan pelajar boleh menarik perhatian pelajar untuk fokus dengan kuliah. Tenaga pengajar perlu sentiasa menjaga hubungan mata dan ia dikategorikan sebagai bahasa badan (bahasa non-verbal). Intonasi ketika mengajar juga adalah penting untuk memastikan pelajar jelas dengan perkara yang disampaikan oleh tenaga pengajar. Kepelbagaiannya intonasi oleh tenaga pengajar boleh menjadi faktor penarik untuk pelajar kekal bersemangat dalam sesi pembelajaran.

### 2. Motivasi Pelajar Antarabangsa dalam Pembelajaran Bahasa

Veloo et al. (2020) mendapatkan peranan tenaga pengajar dan masyarakat sekeliling boleh meningkatkan motivasi pelajar. Dapatan kajian ini menunjukkan bahawa pelajar asing berminat untuk bertutur dalam bahasa Melayu sekiranya mendapat galakan daripada tenaga pengajar dan masyarakat sekitarnya. Justeru, tenaga pengajar perlu mahir mengendalikan kuliah agar maklumat yang disampaikan itu berkesan. Dalam konteks kajian ini, unsur gaya bahasa verbal dan non-verbal yang digunakan oleh tenaga pengajar perlu dikaji keberkesanannya dalam memotivasi pelajar asing terutamanya pelajar pascasiswazah untuk mengikuti kuliah dan mendapat keputusan cemerlang.


Mesman et al. (2024) mendapatkan bahawa motivasi pelajar antarabangsa untuk mempelajari bahasa Melayu turut dipengaruhi oleh perbezaan budaya, pendedahan terhadap situasi sebenar serta pendekatan pengajaran tenaga pengajar. Dapatan kajian mendedahkan pelajar menghadapi kesulitan apabila mempelajari kata ganti nama diri kerana ia berbeza dengan yang dipelajari dalam kuliah dan luar kuliah. Hal ini menunjukkan penerapan unsur budaya dan penilaian berfokuskan pendedahan situasi sebenar sangat penting. Motivasi pelajar antarabangsa untuk mempelajari bahasa ini juga berlandaskan motivasi intrinsik dan ekstrinsik. Menurut Ma'alip et al. (2021), pelajar antarabangsa belajar bahasa Melayu kerana minat yang tinggi terhadap bahasa ini. Keunikan bahasa ini menyebabkan mereka tertarik untuk mempelajarinya. Namun begitu, terdapat segelintir pelajar bimbang untuk mempelajari bahasa Melayu sebagai bahasa kedua mereka. Menurut Jamil (2017), kebimbangan tersebut bergantung kepada keperibadian mereka yang menjelaskan proses pembelajaran dan kurang yakin untuk menguasai bahasa Melayu dengan efektif. Motivasi ekstrinsik pula melibatkan sokongan dan gaya pendekatan tenaga pengajar dalam mengajar mereka.

### 3. Kerangka Konseptual Kajian

Kajian ini menggunakan Strategi Kesantunan Asmah Haji Omar (2000) dan Teori Motivasi Maclelland (1978). Strategi Kesantunan Asmah Haji Omar (2000) memfokuskan kepada dua elemen utama iaitu kesantunan asas dan kesantunan berkala. Kesantunan asas berkenaan kesopanan sedia ada yang menjadi

pedoman kepada ahli masyarakat untuk berkomunikasi antara satu sama lain (Sara, 2019). Kesantunan asas menekankan kepada penggunaan kata-kata yang baik atau santun. Kesantunan berkala pula ialah usaha dalam proses komunikasi yang memberi perhatian kepada kendala-kendala tertentu. Kendala-kendala tersebut ialah latar belakang, tajuk percakapan, peranan sosial, sebab dan cara penyampaian komunikasi (Sara, 2019).

Teori Motivasi Maclelland (1978) mengemukakan bahawa motivasi individu akan meningkat jika seseorang itu dimotivasikan, memahami unsur-unsur motivasi dan melibatkan diri secara aktif dalam usaha itu (Azizi & Nurul Ain, 2020). Hal ini menunjukkan proses motivasi itu bersifat dua hala dan kedua-dua pihak perlu saling memberi dan menerima. Muammar (2020) mengatakan motivasi mendorong individu mempunyai keinginan untuk mengatasi rintangan dan sanggup berusaha mencapai sesuatu yang baik. Pencapaian bergantung kepada tahap motivasi seseorang untuk melibatkan diri dalam tingkah laku pencapaian berdasarkan interaksi seperti keperluan untuk pencapaian, faktor persekitaran, dan nilai insentif kejayaan. Seseorang juga bersemangat melibatkan diri apabila kerja itu mencabar, menyeronokkan, dan mempunyai rasa ingin tahu (Muammar, 2020). Guru-guru yang bermotivasi akan memberi keprihatinan yang tinggi terhadap proses pengajaran dan pembelajaran. Rajah 1 adalah kerangka konseptual kajian.



Rajah 1. Kerangka konseptual kajian

## Metodologi

### 1. Reka bentuk Kajian

Kajian ini menggunakan gabungan kaedah kuantitatif dan kualitatif bagi meningkatkan ketepatan dan kekuatan hasil serta menambah validiti dan kredibiliti. Kaedah kuantitatif digunakan untuk mengesahkan andaian bahawa motivasi pelajar antarabangsa juga dipengaruhi oleh gaya bahasa tenaga pengajar dalam pembelajaran bahasa Melayu. Ia digunakan untuk mendapatkan fakta generalisasi mengenai topik kajian. Manakala kaedah kualitatif digunakan bagi mengenal pasti pendapat pelajar tentang perkaitan gaya bahasa verbal dan non-verbal oleh tenaga pengajar dan motivasi pelajar belajar semasa kuliah.

### 2. Persampelan

Persampelan kajian terdiri daripada 50 orang pelajar antarabangsa yang menjadi responden untuk soal selidik dan 10 orang pelajar selaku informan untuk ditemu bual. Kajian ini mengaplikasikan kaedah persampelan rawak yang memfokuskan kepada pelajar pascasiswazah antarabangsa di universiti tempatan yang mengikuti kursus bahasa Melayu. Responden soal selidik terdiri daripada 33 orang (20-30 tahun), 11 orang (30-40 tahun) dan 6 orang (40-50 tahun). Seramai 34 orang responden ialah lelaki dan 16 orang perempuan. Seramai 26 orang responden ialah pelajar sarjana dan 24 orang calon doktor falsafah (PhD). Daripada jumlah responden, terdapat 39 orang dari negara China, 4 orang dari negara Iraq, 2 orang dari negara Bangladesh, 2 orang dari Iran dan 3 orang dari Jordan. Profil responden soal selidik adalah seperti jadual 1 berikut:

Jadual 1. Profil responden soal selidik

<b>Ciri demografik</b>	<b>Kategori</b>	<b>Kekerapan (orang)</b>
Umur (tahun)	20-30	33
	30-40	11
	40-50	6
Jantina	Lelaki	34
	Perempuan	16
Peringkat pengajian	Sarjana	26
	PhD	24
Negara asal	China	39
	Iraq	4
	Bangladesh	2
	Iran	2
	Jordan	3
<b>Jumlah</b>		<b>50</b>

Jumlah informan temu bual ialah 10 orang yang dipilih secara rawak dan informan ini tidak melibatkan jumlah 50 orang responden bagi soal selidik. Jadual 2 menerangkan profil informan bagi temu bual.

Jadual 2. Profil informan temu bual

<b>Informan</b>	<b>Umur (tahun)</b>	<b>Jantina</b>	<b>Peringkat pengajian</b>	<b>Negara asal</b>
Informan 1	20-30	Lelaki	Sarjana	China
Informan 2	20-30	Lelaki	Sarjana	China
Informan 3	30-40	Lelaki	Sarjana	Iraq
Informan 4	30-40	Perempuan	PhD	China
Informan 5	20-30	Perempuan	Sarjana	Bangladesh
Informan 6	30-40	Lelaki	PhD	Iran
Informan 7	40-50	Perempuan	PhD	China
Informan 8	30-40	Lelaki	Sarjana	Jordan
Informan 9	20-30	Lelaki	PhD	Iraq
Informan 10	20-30	Perempuan	Sarjana	China
<b>Jumlah: 10</b>				

Antara jumlah informan ini, 5 orang berumur 20-30 tahun, 4 orang berumur 30-40 tahun dan seorang berumur 40-50 tahun yang merangkumi 6 orang informan lelaki dan 4 orang informan perempuan. Tahap pengajian bagi 6 orang informan adalah di peringkat sarjana dan 4 orang di peringkat Doktor Falsafah. Informan juga adalah terdiri daripada 5 orang yang berasal dari negara China, 2 orang dari negara Iraq, seorang dari Bangladesh, Iran dan Jordan.

### 3. Instrumen Kajian

#### *Soal Selidik*

Soal selidik diadaptasikan melalui kajian lepas Fazal Mohamed dan Kamarull Fahmi (2022) yang menggunakan Strategi Kesantunan Asmah Haji Omar (2000). Soalan bagi soal selidik ini dibangunkan berdasarkan elemen strategi iaitu: (i) kesantunan asas dan (ii) kesantunan berkala.

Satu kajian rintis dijalankan ke atas sampel kecil seramai lima orang pelajar bagi menguji soal selidik dan penambahbaikan soal selidik ini telah dijalankan. Hal ini kerana, soal selidik ini juga adalah dalam bahasa Inggeris memandangkan tahap kefasihan bahasa Inggeris pelajar adalah di tahap sederhana ke atas. Terdapat 3 bahagian untuk soal selidik iaitu:

### Bahagian 1: Demografi responden

Bahagian ini merangkumi soalan berkenaan (i) umur, (ii) jantina, (iii) peringkat pengajian, (iv) negara asal Bahagian 2: Gaya bahasa verbal tenaga pengajar dalam mempengaruhi motivasi pelajar berlandaskan kesantunan asas (Asmah Haji Omar, 2020)

Terdapat 3 soalan yang mewakili gaya bahasa verbal yang ditandai dengan (i) gaya bahasa 1, (ii) gaya bahasa 2, (iii) gaya bahasa 3

Bahagian 3: Gaya bahasa non-verbal tenaga pengajar dalam mempengaruhi motivasi pelajar (kesantunan berkala). Bahagian ini mempunyai 3 soalan berkenaan gaya bahasa non verbal iaitu (i) gaya bahasa 4, (ii) gaya bahasa 5, (iii) gaya bahasa 6

Jadual 3. Ringkasan label soalan soal selidik gaya bahasa verbal dan gaya bahasa non verbal

<b>Soalan</b>	<b>Gaya Bahasa Verbal</b>	<b>Soalan</b>	<b>Gaya Bahasa Non Verbal</b>
1	Gaya Bahasa Verbal Penggunaan kata ganti nama & 1 kata-kata baik	4	Gaya Bahasa Verbal Mimik muka 4
2	Gaya Bahasa Verbal Ketersediaan tenaga pengajar 2	5	Gaya Bahasa Verbal Penggunaan kepelbagai 5 intonasi
3	Gaya Bahasa Verbal Hubungan tenaga pengajar dan 3 pelajar	6	Gaya Bahasa Verbal Gaya penampilan 6

### *Temu bual*

Temu bual ini diadakan bagi mendapatkan maklumbalas informan secara terperinci kepada soalan yang digubal bagi soal selidik. Soalan temu bual adalah dalam bahasa Inggeris yang kemudian diterjemah ke dalam bahasa Melayu. Soalan-soalan untuk temu bual juga dibina berdasarkan elemen berikut:

- i. Strategi Kesantunan Asmah Haji Omar iaitu: (i) kesantunan asas dan (ii) kesantunan berkala.
- ii. Teori Motivasi Maclelland (1978) iaitu: (i) dimotivasikan, (ii) memahami unsur-unsur motivasi, (iii) melibatkan diri sendiri secara aktif dalam usaha.

Berikut ialah pecahan soalan-soalan temu bual yang berlandaskan situasi penggunaan gaya bahasa yang dikategorikan kepada kesantunan asas dan kesantunan berkala.

Soalan 1 – soalan 3: kesantunan asas (bahasa verbal) + dimotivasikan + memahami unsur-unsur motivasi

Soalan 4 – soalan 6: kesantunan berkala (bahasa non-verbal) + memahami unsur-unsur motivasi + melibatkan diri secara aktif dalam usaha.

### 4. Proses Pengumpulan Data

Bagi pengumpulan data kuantitatif, pengkaji memaklumkan kepada responden tentang kajian yang akan dijalankan dan memberi taklimat tentang pengisian soal selidik yang akan diedarkan. Pengkaji meminta responden melengkapkan soal selidik dalam tempoh masa yang diberikan. Soal selidik diedarkan kepada responden dengan berkongsi *Google Form* soal selidik dalam pelantar pengajaran dan pembelajaran pelajar. Responden perlu menjawab soalan bagi ketiga-tiga bahagian yang merangkumi (i) demografi responden, (ii) gaya bahasa verbal tenaga pengajar dalam mempengaruhi motivasi responden dan (iii) gaya bahasa non-verbal tenaga pengajar dalam mempengaruhi motivasi responden. Setiap soalan adalah dalam bahasa Inggeris kerana kemampuan bahasa Inggeris pelajar adalah di tahap sederhana ke atas berbanding bahasa Melayu. Dalam bahagian 2 dan 3, pelajar perlu memilih pilihan jawapan iaitu:

- i. Bersetuju
- ii. Tidak bersetuju

Maklumbalas daripada setiap responden kemudian dikumpul dan setiap soalan telah dijalankan pengiraan bilangan yang bersetuju atau tidak bersetuju. Bilangan kekerapan ini ditunjukkan dalam bilangan peratusan bagi tujuan perbincangan dapatan kajian.

Bagi pengumpulan data kualitatif, pengkaji telah menghubungi informan untuk menetapkan masa serta kaedah temu bual iaitu secara bersemuka atau dalam talian. Sejumlah 7 orang informan bersetuju untuk menjalankan temu bual secara dalam talian. Manakala sejumlah 3 orang informan bersetuju untuk

menjalankan temu bual secara bersemuka. Sesi temu bual individu ini dihadkan kepada 30 minit seorang memandangkan kekangan masa oleh informan. Temu bual dirakam secara audio dan visual dengan persetujuan informan. Hasil temu bual melalui rakaman audio dan visual, pengkaji telah menjalankan transkripsi untuk menghuraikan perkaitan antara penggunaan gaya bahasa tenaga pengajar dengan motivasi pelajar. Pengkaji telah menganalisis transkripsi rakaman temu bual menggunakan analisis kandungan tematik secara manual.

### 5. Analisis Data


Hasil dapatan soal selidik dianalisis dalam bentuk kekerapan, peratusan dan perbezaan serta ditunjukkan dalam bentuk carta bar. Hasil analisis mendapat terdapat dua tema; (i) bahasa verbal dan (ii) bahasa non-verbal. Hasil dapatan analisis soal selidik dan temu bual telah menunjukkan inferensi korelasi antara penggunaan gaya bahasa oleh tenaga pengajar dalam memotivisasikan pelajar untuk terus melibatkan diri dalam kuliah.

### Hasil Kajian

Terdapat dua tema utama hasil daripada analisis soal selidik dan temu bual iaitu; (i) gaya bahasa verbal yang mempengaruhi motivasi responden dan informan serta (ii) gaya bahasa bukan non-verbal yang mempengaruhi motivasi responden dan informan.

#### 1. Gaya Bahasa Verbal yang Mempengaruhi Motivasi Responden dan Informan (Kesantunan Asas)

Rajah 2 di bawah adalah maklumbalas soal selidik oleh responden secara menyeluruh berkaitan gaya bahasa verbal 1, 2 dan 3 yang mempengaruhi motivasi responden.



Rajah 2. Peratus responden yang bersetuju dan tidak bersetuju dengan penggunaan bahasa verbal

#### *Gaya Bahasa Verbal 1 yang Mempengaruhi Motivasi Responden dan Informan (Kesantunan Asas)*

Gaya bahasa verbal 1 mengajukan soalan berkenaan penggunaan kata ganti nama yang sesuai serta menggunakan kata-kata yang baik dalam komunikasi. Hasil kajian mendapat seramai 38 orang responden (76%) bersetuju bahawa penggunaan gaya bahasa verbal 1 dapat memotivisasikan mereka. Sejumlah 12 orang (24%) tidak bersetuju. Perbezaannya adalah sebanyak 26 orang (52%).

Temu bual bersama informan mendapati bahawa pelajar lebih bermotivasi apabila tenaga pengajar menggunakan kata ganti nama diri yang sesuai iaitu ‘awak’ dalam soalan gaya bahasa verbal 1. Terdapat juga informan yang beranggapan kata-kata positif daripada tenaga pengajar bertujuan untuk menjaga air muka mereka. Bagi informan, sekiranya mereka membuat kesalahan, tenaga pengajar perlu menegur kesalahan tersebut dengan selayaknya, bukan ‘sugarcoat’ semata-mata. Informan yang berfikiran sebegini lebih memilih kepada gaya pembelajaran yang rigid. Berikut adalah antara maklum balas informan untuk soalan 1:

*"Hmm sometimes I don't like it because I think it's just 'sugarcoat'. If I do something wrong, the teacher can just reprimand me, there is no need to take care of my heart"* (Informan 3)

Terjemahan: [“Hmm kadang-kadang saya tidak suka kerana saya anggap ia hanya ‘sugarcoat’. Jika saya buat salah, guru boleh sahaja tegur saya, tidak perlu terlalu jaga hati saya”] (Informan 3)

#### *Gaya Bahasa Verbal 2 yang Mempengaruhi Motivasi Responden dan Informan (Kesantunan Asas)*

Gaya bahasa verbal 2 mengemukakan soalan berkenaan ketersediaan tenaga pengajar untuk membantu pelajar pada bila-bila masa dan hubungan yang tidak terlalu formal antara mereka. Sejumlah 44 orang responden (88%) bersetuju bahawa gaya bahasa verbal 2 meningkatkan motivasi belajar. Manakala 6 orang (12%) tidak bersetuju. Perbezaan antara jumlah tersebut ialah seramai 38 orang (76%).

Informan menyatakan bahawa penggunaan bahasa ramah oleh tenaga pengajar telah mengurangkan jurang hubungan tenaga pengajar dengan pelajar.

*"I'm excited when my teacher spent her time to teach hmmm even it's not in class's time. When she asks the question casually, I'm not afraid to give the answer"* (Informan 2)

Terjemahan: [“Saya teruja bila guru saya sanggup meluangkan masanya untuk ajar hmmm walaupun luar daripada masa kuliah. Apabila dia bertanyakan soalan dengan bersahaja, saya tidak takut untuk memberikan jawapan”] (Informan 2)

#### *Gaya Bahasa Verbal 3 yang Mempengaruhi Motivasi Responden dan Informan (Kesantunan Asas)*


Bagi gaya bahasa verbal 3, seramai 36 orang (72%) telah bersetuju dan 14 orang (28%) tidak bersetuju. Nilai perbezaan ialah 22 orang (44%). Informan mendapati tenaga pengajar cuba untuk memotivasi mereka sesuai dengan elemen teori motivasi Maclelland iaitu memahami unsur-unsur motivasi. Layanan daripada tenaga pengajar terhadap informan seperti rakan sebaya membuatkan informan berasa berkepentingan untuk menyertai kuliah.

*"I feel close to teachers when my teachers tell them to consider me as a friend. I was more excited and not awkward to ask questions. The class atmosphere is also more relaxed. My teacher also explained a lot about Malay culture and it was very interesting!"* (Informan 5)

Terjemahan: [“Saya rasa dekat dengan guru bila guru saya beritahu mereka anggap saya sebagai kawan. Saya lebih teruja dan tidak kekok untuk tanya soalan. Suasana kelas juga lebih santai. Guru saya juga banyak terangkan berkenaan budaya Melayu dan ia sangat menarik!”] (Informan 5)

## 2. Gaya Bahasa (Non-Verbal) yang Mempengaruhi Motivasi Responden dan Informan (Kesantunan Berkala)

Data soal selidik berkenaan perkaitan penggunaan bahasa non-verbal berdasarkan kesantunan berkala dalam mempengaruhi motivasi responden dapat dirujuk dalam rajah 3 di bawah.



Rajah 3. Peratus responden yang bersetuju dan tidak bersetuju dengan penggunaan bahasa non-verbal

*Gaya Bahasa Non-Verbal 4 yang Mempengaruhi Motivasi Responden dan Informan (Kesantunan Berkala)*  
 Dapatkan soal selidik menunjukkan seramai 34 orang responden (68%) bersetuju gaya bahasa non-verbal 4 meningkatkan motivasi mereka. 16 orang responden (32%) tidak bersetuju. Nilai perbezaan ialah 18 orang (36%). Hasil temu bual mendapati majoriti daripada informan bersetuju bahawa mimik muka yang sesuai mempengaruhi motivasi mereka semasa belajar. Informan yang bersetuju mengatakan penggunaan mimik muka seperti tidak gembira, gelisah, kepenatan, murung, terlalu serius dan banyak lagi menyebabkan mereka berfikiran tenaga pengajar tidak bersedia sepenuhnya untuk menyampaikan kuliah. Hal ini menjelaskan motivasi mereka untuk melibatkan diri dalam kelas. Informan yang memahami bahawa soalan yang diajukan dengan senyuman mempengaruhi motivasi mereka secara tidak langsung terdorong untuk menjawab soalan daripada tenaga pengajar. Informan juga mengatakan bahawa mimik muka yang serius berbanding tidak serius memberi gambaran yang baik untuk pelajar belajar daripada hasil kerja mereka. Berikut ialah maklum balas informan:

*"I think I am more motivated and serious when my teacher shows a serious facial expression because I hmmm will realize my mistake. If the teacher is too lenient, I sometimes don't learn from my mistakes" (Informan 1)*

Terjemahan: [“Saya rasa saya lebih bermotivasi dan serius apabila guru saya menunjukkan mimik muka yang serius kerana saya hmmm akan sedar salah saya. Jika guru terlalu berlembut, saya kadang-kadang tidak belajar daripada silap saya”] Informan 1)

*Gaya Bahasa Non-Verbal 5 yang Mempengaruhi Motivasi Responden dan Informan (Kesantunan Berkala)*  
 Gaya bahasa non-verbal 5 berfokus kepada penggunaan kepelbagai intonasi oleh tenaga pengajar. Sejumlah 47 orang responden (94%) bersetuju bahawa penggunaan intonasi yang pelbagai oleh tenaga pengajar meningkatkan motivasi mereka dengan 3 orang responden (6%) tidak bersetuju. Nilai perbezaan ialah 44 orang (88%) daripada responden kajian. 8 orang informan bersetuju bahawa intonasi yang pelbagai oleh tenaga pengajar meningkatkan motivasi mereka. Informan mengatakan sebutan tenaga pengajar yang jelas penting untuk mengelakkan salah faham maksud oleh mereka.

*"High and low pronunciation for me hmmm is really important because I will be able to distinguish important and unimportant information through the intonation" (Informan 1)*

Terjemahan: ["Sebutan tinggi dan rendah bagi saya hmmm memang penting sebab saya akan dapat bezakan maklumat yang penting dan tidak penting melalui intonasi itu"] Informan 1

Hasil temu bual mendapati jika aspek penggunaan intonasi, kadar kelajuan pertuturan dan kejelasan sebutan digunakan dengan sesuai, ia memberi peluang kepada informan untuk bertanyakan soalan.

*Gaya Bahasa Non -Verbal 6 yang Mempengaruhi Motivasi Responden dan Informan (Kesantunan Berkala)*  
 Gaya bahasa non-verbal 6 berfokus kepada gaya penampilan guru. Sejumlah 48 orang (96%) berpendapat bahawa gaya penampilan guru yang kemas, cantik, bersemangat, positif dan menunjukkan kesediaan tenaga pengajar untuk mengajar dapat meningkatkan motivasi responden. Hanya 2 orang responden (4%) tidak bersetuju. Nilai perbezaan ialah 46 orang (92%). Semua informan bersetuju bahawa personaliti tenaga pengajar yang berpakaian kemas, cantik, bersemangat, positif dan menunjukkan mereka bersedia untuk mengajar meningkatkan motivasi informan.

*"I'm sure all students want their teachers to be positive and attractive. I'm definitely excited to go to class if my teacher is dressed nicely and always gives positive energy to the students. Hmmm, for me, that positive attitude symbolizes that the teacher is mentally strong." (Informan 9)*

Terjemahan: [“Saya yakin semua pelajar ingin guru mereka positif dan berpenampilan menarik. Saya pasti bersemangat untuk ke kelas jika guru saya berpakaian cantik dan sentiasa memberikan semangat positif untuk pelajar. Hmmm, bagi saya, sikap positif itu melambangkan guru itu kuat mentalnya.”] (Informan 9)

Informan juga bersetuju bahawa sikap tenaga pengajar yang tidak mudah terpengaruh dengan emosi apabila mereka membuat kesalahan meningkatkan motivasi mereka untuk belajar.

### Perbincangan

Hasil kajian menunjukkan penggunaan bahasa verbal dan bahasa non-verbal tenaga pengajar mempengaruhi motivasi belajar pelajar. Unsur eufemisme (bahasa santun) yang merangkumi penggunaan kata ganti nama diri yang sesuai antara faktor penting untuk memotivasi pelajar. Ini bertepatan dengan Abdul Wahab. et al. (2020) yang mengatakan eufemisme bukan sekadar untuk menjaga hubungan baik antara sesama manusia, namun hal ini juga melambangkan pemikiran manusia yang sistematik hasil daripada pengetahuan dan pengalaman penutur dalam alam budaya mereka. Hal ini bermakna, jika aspek kesantunan tidak dituruti, maka setiap yang dituturkan (unsur bahasa disfemisme) akan melambangkan pemikiran penutur yang negatif. Ini adalah relevan dalam konteks kajian ini iaitu penggunaan bahasa yang santun dalam kalangan tenaga pengajar dapat mempengaruhi tanggapan pelajar terhadap keperibadian tenaga pengajar dan budaya. Dapatan kajian mendapati responden dan informan kajian lebih bermotivasi apabila penggunaan gaya bahasa oleh tenaga pengajar lebih bersifat kasual. Tenry (2020) berpendapat bahawa gaya bahasa kasual dan ramah apabila menyapa, mengajukan soalan dan menghuraikan sesuatu idea oleh seseorang dan memberi maklum balas kepada pertanyaan dapat menarik minat orang lain untuk turut serta dalam komunikasi.

Dapatan kajian mendapati elemen bahasa non-verbal seperti senyuman dan mimik muka dapat mempengaruhi motivasi pelajar. Sascha et al. (2022) mendapati prestasi pelajar akan lebih baik apabila wujud gerak isyarat mata dan mimik muka boleh menenangkan perasaan pelajar. Pembesarankening muka, pembukaan mata dengan meluas, pengecilan kening muka, dan mengerutkan muka juga mempengaruhi pelajar untuk lebih bermotivasi dalam mengikuti kuliah. Senyuman oleh tenaga pengajar ketika bertanya soalan, menggalakkan pelajar berfikir dengan mendalam tentang soalan yang ditanya. Ekspresi muka seperti pembesaran kening muka ketika menanyakan soalan atau sesuatu yang penting menggalakkan pelajar untuk berfikir. Ekspresi muka yang sesuai dapat mempengaruhi tumpuan pelajar terhadap penyampaian tenaga pengajar dan menunjukkan bahawa tenaga pengajar mengambil berat terhadap pelajar (Shamshinar et al., 2019). Irungu et al. (2019) mengatakan pelajar akan lebih mudah memahami dengan penggunaan komunikasi bukan lisan seperti pergerakan badan, hubungan mata dan mimik muka guru dalam sesi pengajaran.

Penggunaan intonasi yang sesuai mengikut konteks komunikasi didapati mempengaruhi motivasi pelajar. Sesuai dengan literatur lepas, kepelbagaiannya intonasi dalam pengajaran tenaga pengajar dapat memotivasi pelajar. Menurut Nadirah & Vijayaletchumy (2018), dalam percakapan seseorang, intonasi jarang diujarkan secara mendatar sebaliknya ia berbeza-beza. Hal ini kerana ciri utama dalam pertuturan manusia ialah sifat dan perbezaan nada suara yang berubah-ubah apabila menerangkan maksud sesuatu ujaran. Intonasi tergolong dalam golongan paralinguistik. Apabila tenaga pengajar menggunakan intonasi yang sesuai semasa menyampaikan kuliah, pelajar berasa lebih bersemangat. Ia mendorong pelajar berusaha untuk melakukan yang terbaik dalam hasil kerja. Adenan (2019) mengatakan bahawa tenaga pengajar mestilah mengulang bunyi huruf atau kata perlahan-lahan untuk beberapa kali dengan intonasi yang sesuai agar pelajar dapat memperbetulkan sebutan mereka dengan meniru sebutan tenaga pengajar. Tenaga pengajar perlu mengulang sebutan perlahan-lahan dengan penekanan yang lebih untuk kata yang sering disebut salah oleh pelajar. Teknik ini didapati berkesan dalam pengayaan kosa kata dan diminati oleh pelajar asing. Nor Azhan et al. (2019) berpendapat bahawa sebutan tenaga pengajar yang terlalu cepat dan tidak jelas menyukarkan pelajar memahami perkara yang diajar. Sifat positif tenaga pengajar turut mempengaruhi motivasi pelajar. Cabaran pembelajaran dan perkembangan sosial-emosi juga dapat ditangani oleh pelajar dengan baik apabila mereka menerima semangat positif daripada tenaga pengajar (Kariuki & Zarchariah, 2018). Seorang tenaga pengajar yang baik akan meningkatkan kapasiti peribadi dan pembinaan personaliti dalam kalangan pelajar melalui dorongan positif mereka (Marcos et al., 2020).

Dapatkan kajian mendedahkan kepentingan penggunaan bahasa verbal dan non-verbal yang baik oleh tenaga pengajar dalam mempengaruhi motivasi pelajar. Penggunaan bahasa ini berkait rapat dengan elemen motivasi pelajar iaitu (i) pelajar sedar mereka dimotivasi oleh tenaga pengajar, (ii) pelajar memahami unsur-unsur motivasi dan (iii) pelajar melibatkan diri secara aktif dalam usaha. Kajian ini juga membuktikan penggunaan bahasa non-verbal turut mempengaruhi motivasi seseorang, sama pentingnya dengan penggunaan bahasa verbal. Dalam konteks pendidikan, penggunaan bahasa non-verbal yang diklasifikasikan sebagai kesantunan berkala adalah merupakan tahap kesantunan yang lebih tinggi berbanding penggunaan bahasa verbal (kesantunan asas). Tenaga pengajar seharusnya turut memfokuskan kepada kesantunan berkala (bahasa non-verbal) agar proses pengajaran dan pembelajaran lebih berkesan. Kajian ini dapat menunjukkan kepentingan amalan kesantunan asas dan kesantunan berkala dalam mendidik. Tenaga pengajar perlu mengubah cara pendekatan pengajaran yang terlalu teknikal kepada aspek penggunaan bahasa verbal dan non-verbal ini. Hal ini kerana elemen bahasa merupakan perkara asas dan menjadi platform berkesan dalam penyampaian mesej kepada pelajar.

## Kesimpulan

Hasil kajian mendapati majoriti responden dan informan bersetuju bahawa penggunaan bahasa verbal yang sesuai dapat meningkatkan motivasi mereka untuk terus melibatkan diri secara aktif dalam kuliah. Penggunaan bahasa verbal yang baik seperti penggunaan kata ganti nama diri yang sesuai, penggunaan bahasa yang lebih kasual dan ramah berkait rapat dengan Strategi Kesantunan Asmah Haji Omar yang mempunyai elemen kesantunan asas. Penggunaan bahasa non-verbal (kesantunan berkala) seperti mimik muka yang sesuai, penggunaan intonasi yang pelbagai dan personaliti serta penampilan guru menjadi faktor utama dalam mempengaruhi motivasi pelajar untuk belajar bahasa Melayu.

Hasil kajian juga mendapati pelajar dimotivasi apabila mereka tahu yang mereka sedang dimotivasi, memahami unsur-unsur motivasi dan berusaha untuk melakukan hasil kerja yang terbaik, lebih-lebih lagi terdapat elemen motivasi sekunder iaitu pengaruh persekitaran. Perkaitan elemen budaya dalam kuliah juga penting untuk menarik perhatian pelajar kerana budaya dan bahasa berkait rapat. Dapatkan kajian jelas menunjukkan elemen penggunaan bahasa verbal dan bahasa non-verbal yang sesuai sangat mempengaruhi motivasi pelajar dan ianya bukan bergantung kepada intipati kursus semata-mata atau penggunaan teknologi sahaja. Kaedah pentaksiran dan pengajaran berdasarkan situasi sebenar melalui bahasa verbal dan non-verbal perlu dipraktikkan dalam kalangan tenaga pengajar untuk mengelakkan kekeliruan oleh pelajar antarabangsa. Struktur kurikulum yang terlalu memfokuskan kepada pengetahuan semata-mata perlu diubah kepada pengaplikasian pengetahuan tersebut dalam kehidupan sehari-hari mereka. Hal ini lebih berkesan

dengan pendekatan pengajaran bahasa verbal dan non-verbal yang baik oleh tenaga pengajar. Pengkaji mencadangkan kajian-kajian lanjutan yang memfokuskan kepada pembelajaran bahasa asing berasaskan situasi sebenar melalui pendekatan gaya bahasa verbal dan non-verbal oleh tenaga pengajar dilaksanakan kelak. Kajian lanjutan mengenai kaedah pengajaran tenaga pengajar secara kuliah kepada pembelajaran berasaskan pengalaman pelajar juga perlu dilakukan. Hal ini penting untuk menilai sejauh mana kemampuan pelajar menggunakan pengetahuan yang mereka miliki.

**Penghargaan:** Penghargaan dan terima kasih diucapkan kepada semua responden dan informan yang telah terlibat dalam kajian.

**Konflik Kepentingan:** Pengkaji tidak mempunyai sebarang konflik kepentingan antara semua pihak yang terlibat secara langsung dan tidak langsung dalam kajian ini.

## Rujukan

- Akio, D. C. Y., Theresa, M. G., Wasim, C. C., & Raml, S. (2023). The experiences of casual 2nd language English users: An ethnographic study. *International Journal of Multidisciplinary Research and Publications (IJMRAP)*, 6(6), 20–23. <https://ijmrap.com/wpcontent/uploads/2023/11/IJMRAP-V6N5P177Y23.pdf>
- Andi, T. L. A.C. (2020). Realization of actional competence in mood types of casual conversation. *Journal of English Education and Teaching (JEET)*, 4(1), 20–35. 10.33369/jeet.4.1.20-35
- Abdul, W. H., Salehuddin, K., Mohammed, A. M., & Imran, H. (2020). Eufemisme perceraian dalam masyarakat Melayu Sarawak: Analisis semantik kognitif. *Journal of Language Studies*, 20 (4), 74–94. <http://doi.org/10.17576/gema-2020-2004-05>
- Baderun, M. H., Khairuddin, W. H., & Mahmood, A. R. (2024). A discourse on atheism within Malaysian society. *e-Bangi: Journal of Social Sciences & Humanities*. 21(3), 79–87. <https://doi.org/10.17576/ebangi.2024.2103.04>
- Irungu, M. N., Nyagah, G., & Mugambi, M. (2019). Learner - teacher non-verbal interaction effect on academic achievement of learners in chemistry. *African Educational Research Journal*, 7(2), 88 – 96. 10.30918/AERJ.72.19.019
- Khalip, M., & Abd Halim, H. (2015). Kemahiran interpersonal guru dan hubungan dengan pencapaian akademik pelajar. *Jurnal Pendidikan Malaysia*, 40(2), 89–99. <https://ejournal.ukm.my/jpend/article/view/13227/4164>
- Kariuki, M. G., & Mbugua, Z. K. (2018). Influence of student motivation by teachers on academic performance in public secondary schools in Nyeri and Kirinyaga countries, Kenya. *Pedagogical Research*, 3(4), 14. <https://doi.org/10.20897/pr/394>
- Losius, G., Khairuddin, A., & Rosy, T. (2021). Pengaruh profesionalisme guru terhadap pencapaian akademik sekolah-sekolah berprestasi rendah luar bandar. *My Jurnal*. 3(1), 127–139. <https://myjurnal.mohe.gov.my/public/article-view.php?id=170602>
- Lau, Y. W. S., Lambri, A., & Kiting R. (2020). Penguasaan kemahiran membaca bahasa Melayu responden bukan penutur jati di Bintulu, Sarawak. *EDUCATUM Journal of Social Sciences*, 6(1), 33–42. 10.37134/ejoss.vol6.1.4.2020
- Ma’alip, H., Yahaya, A., Koay, T. Y., Rathakrishnan, B., Maakip, I., Ahmad, H., Mohamad, A. Z., & Ahmad N. (2020). Pembentukan modal insan: Hubungan konsep kendiri, personaliti, dan pencapaian akademik pelajar sekolah menengah. *Southeast Asia Psychology Journal*, 8(2), 103–122. <https://doi.org/10.51200/sapj.v8i2>
- Ma’alip, H., Zakaria, K., Che Roza, C. H., & Zulkipli, N. A. (2021). Motivasi dan halangan bagi pelajar asing menguasai bahasa Melayu melalui pembelajaran secara dalam talian di Universiti Teknologi Malaysia. *LSP International Journal*, 8(2), 41–54. <https://doi.org/10.11113/lspi.v8.17945>

- Mashudi, R. (2022). Proses pembelajaran dalam talian dari perspektif strategi komunikasi dan kesopanan. *Journal of Communication, Language and Culture*, 2(1), 20–30. <https://doi.org/10.33093/jclc.2022.2.1.2>
- Marcos, R. I. S., Fernández, V. L., González, M. T. D., & Phillips-Silver, J. (2020). Promoting children's creative thinking through reading and writing in a cooperative learning classroom. Thinking skills and creativity. *Science Direct*, 36 (4), 100663. <https://doi.org/10.1016/j.tsc.2020.100663>
- Mesman, N., Rashidi, N., Jumadi, D., & Bakri, M. (2023). Perancangan penguasaan kosa kata bahasa Melayu pelajar antarabangsa semasa mengikuti pembelajaran dalam talian. *Jurnal Dunia Pendidikan*, 4(4), 301–309. <https://myjms.mohe.gov.my/index.php/jdpd/article/view/21296>
- Muammar, S. (2020). Tahap amalan kepimpinan distributif dan hubungannya dengan motivasi guru di kolej vokasional. *Jurnal Penyelidikan Teknokrat*. 23(12), 72–83. <http://myjms.moe.gov.my/index.php/jpt>
- Muhd Zulkifli, N. Z., Wan Mohamad, W. M. R., Shahlan, S., & Jamaludin, B. (2019). Aspek budaya Melayu dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa Melayu sebagai bahasa asing. *PENDETA Journal of Malay Language, Education and Literature*, 10(9), 121 – 133. [10.37134/pendeta.vol10.9.2019](https://doi.org/10.37134/pendeta.vol10.9.2019)
- Rahman, A., & Susilo, A. (2024). The analysis of women's leadership communication styles in group communication. *e-Bangi: Journal of Social Sciences & Humanities*, 21(3), 698–705. <https://doi.org/10.17576/ebangi.2024.2103.55>
- Muhd Shukor, R., Mohd Rusli, N. F., & Nallaluthan, K. (2021). Eufemisme dan disfemisme dalam komunikasi pelajar berdasarkan prinsip kesantunan Leech. *PENDETA: Journal of Malay Language, Education and Literature*, 12(1), 1–10. <https://doi.org/10.37134/pendeta.vol12.1.1.2021>
- Schneider, S., Krieglstein, F., Beege, M., & Daniel, R. G. (2022). The impact of video lecturers' nonverbal communication on learning – an experiment on gestures and facial expressions of pedagogical agents. *Journal of Computers and Education*, 176(1) 104350. <https://doi.org/10.1016/j.compedu.2021.104350>
- Syed Ismail, S. H., & Haizan, M. M. (2023). Kepentingan kecerdasan emosi dan pengaruhnya ke atas komunikasi berkesan kakitangan agensi penguat kuasa. *Jurnal Komunikasi*, 39(4), 202–223. <https://ejournal.ukm.my/mjc/issue/view/1610>
- Shaari, A. G., Izam, M. Y., Awang, N., & Mohd, I. (2017). Amalan pedagogi berpusatkan pelajar dan masalah yang dihadapi guru-guru pelatih program pensiswazahan guru untuk mengamalkan pedagogi berpusatkan pelajar semasa praktikum. *Prosiding ICECRS*, 1 (599–608). <http://dx.doi.org/10.21070/picecrs.v1i1.531>
- Ujai, D. S., & Wan, M. R. (2017). Pengaruh faktor sosial dalam pembelajaran bahasa Melayu dalam kalangan responden iban. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 7(1), 74–84. <http://spaj.ukm.my/jpbm/index.php/jpbm/issue/view/43>
- Veloo, V. R. M., & Ayob, A. (2020). Pembelajaran abad ke-21: Implikasi terhadap sikap, motivasi dan pencapaian bahasa Melayu murid sekolah menengah. *International Journal of Education, Psychology and Counseling*, 5 (37), 331–349. [10.35631/IJEPC.5370027](https://doi.org/10.35631/IJEPC.5370027)
- Zulkifli, M., Buhari, N., & Hassan, N. A. (2019). Eufemisme cerminan nilai sosiobudaya masyarakat Malaysia. *Sains Insani*. 4(2), 37 – 48. <https://doi.org/10.33102/jsi2019.4.2.05>
- Zukeflili, N. N., & Subramaniam, V. (2018). Paralinguistik dalam pemerolehan bahasa kanak-kanak. *International Journal of Language Education and Applied Linguistics*, 8(1), 10–17 <https://doi.org/10.15282/ijleal.v8.526>
- Zakaria, N. S., Norul'Azmi, N. A., & Baharuddin, H. (2019). Kemahiran komunikasi bukan lisan: Satu kajian terhadap guru pelatih bukan opsyen dalam pengajaran bahasa Arab. *ATTARBAWIY: Malaysian Online Journal of Education*, 3(2), 1–10. <https://doi.org/10.53840/attarbawiy.v3i2.29>